

# Penglibatan Golongan Wanita dalam Bidang Ketenteraan menurut Cerminan Syariah

**BITARA**

Volume 3, Issue 3, 2020: 34-48  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Women's Involvement in the Military Field according to the Reflection of Shariah]

Zainal Azira Ahmad Zabidi<sup>1</sup>, Ibnor Azli Ibrahim<sup>2</sup> & Ezad Azraai Jamsari<sup>1</sup>

### Abstrak

Operasi ketenteraan dan jihad mempertahankan tanah air amat sinonim dengan jiwa dan fizikal golongan lelaki. Namun, sejak era Nubuwah misi ketenteraan turut disertai golongan wanita dengan peranan tersendiri dan tertakluk kepada keizinan daripada Nabi Muhammad SAW. Dunia kini membuka ruang penyertaan seluas-luasnya kepada golongan wanita dalam bidang ketenteraan hingga ke barisan tempur. Fenomena ini menimbulkan persoalan berbangkit serta sensitiviti agama dan adat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneliti penglibatan golongan wanita dalam tentera menurut cerminan Syariah. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran. Dapatkan kajian ini menghujahkan bahawa penyertaan golongan wanita bidang dalam ketenteraan menurut perspektif Islam adalah terletak di bawah urusan eksklusif pemerintah dan tertakluk kepada syarat-syarat yang patuh Syariah. Kajian ini turut memberi implikasi yang signifikan kepada pembuat dasar khususnya untuk menjadikan elemen Syariah sebagai asas kepada penyediaan prosedur dan garis panduan mengenai pengurusan wanita khasnya dalam konteks pemerkasaan wanita dalam lapangan kerjaya ketenteraan dan pertahanan.

### Kata Kunci

Wanita, kerjaya ketenteraan, panduan Syariah, sejarah ketenteraan, tamadun Islam

### Abstract

Military operations and *jihad* (strive) in defence of the motherland is very synonymous with the masculine soul and physique. However, since the Nubuwah era, women have participated in military missions in their own role, subject to the permission of the Prophet Muhammad SAW. Today's world has opened the gate of participation as wide as possible in the military field to women even to the battle line. This phenomenon raises questions and evokes religious and conservative sensitivity. Hence, the objective of this research is to examine women's military involvement according to the reflection of Shariah. This research adopts a qualitative approach through application of historical study and content analysis. It uses documentation as a method of data collection by focusing on some primary and secondary sources. For data analysis, research adopts a descriptive approach through analysis of internal and external criticism. Research results

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

#### Corresponding Author:

Ezad Azraai Jamsari, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: ezad@ukm.edu.my

argue that women's participation in the military field according to the Islamic perspective is under the exclusive jurisdiction of the ruler and subject to Shariah-compliant conditions. This research gives significant implications to policymakers, specifically to uphold Shariah principles as the foundation to establishing the procedure and guidelines regarding management of women, specifically in the context of empowering women in the career field of military and defence.

### **Keywords**

Women, military career, Shariah guidelines, military history, Islamic civilization

#### **Cite This Article:**

Zainal Azira Ahmad Zabidi, Ilnor Azli Ibrahim & Ezad Azraai Jamsari. 2020. Penglibatan golongan wanita dalam bidang ketenteraan menurut cerminan Syariah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 34-48.

## **Pengenalan**

Antara bidang penting yang menjadi tonggak kemakmuran dan kesejahteraan negara ialah bidang ketenteraan. Keamanan dan kemakmuran sesebuah negara membolehkan rakyat mengecapi nikmat kehidupan dan mengamalkan pegangan kepercayaan masing-masing tanpa sebarang gangguan. Situasi ini menggambarkan bahawa keamanan ialah perkara *daruriyyah* bagi mencapai keseluruhan objektif *maqasid al-Shari'ah* dalam kerangka menjaga kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan, kehormatan dan harta (al-Shushawi 2004). Dalam konteks ketenteraan dan jihad, tugas mempertahankan negara bukan sahaja digalas oleh kaum lelaki, malah kalangan wanita pada zaman Rasulullah SAW turut terlibat dalam misi perperangan bersama Baginda dengan tugas dan peranan tersendiri serta berada di posisi yang sesuai (Azzyati, Fariza & Salasiah 2012). Perkara ini dirakamkan oleh Allah SWT melalui perintah agar memperlengkap dan menyediakan dan aset ketenteraan melalui firman-Nya dalam Surah al-Anfal, ayat 60 berikut:

وَأَعْدُوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ ثُرْهُبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونُهُمْ لَا تَعْلَمُونَهُمْ  
اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُفْقِدُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوفِّقُ إِنْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَظْلَمُونَ.

Mafhumnya: Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

Pensyariatan memperlengkap sesebuah negara dengan kekuatan ketenteraan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia, iaitu memelihara dan mengekalkan keharmonian sesebuah negara daripada sebarang ancaman luar yang boleh menggugat keamanan negara. Atas faktor ini, pemerintah berkewajipan membuka peluang pekerjaan dalam bidang

ketenteraan bagi individu-individu yang berminat dan berkelayakan dengan meletakkan tanggungjawab sepenuhnya untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh dengan pemberian imbuhan gaji secara tetap. Tugas dan peranan mereka adalah melaksanakan semua tugas ketenteraan (Abu Jami‘ 2008).

## Kedudukan Wanita dalam Ketenteraan menurut Syariah

Kerjaya ketenteraan ialah antara bidang penting yang diceburi wanita dewasa ini. Sungguhpun pembabitan mereka tidak termasuk dalam perkara *daruriyyat* lantaran kewajipan jihad terletak di bahu lelaki, namun penyertaan mereka diharuskan dalam ruang lingkup *Siyasah Shar‘iyyah*. Panduan ini melihat kepada keperluan dan *maslahah* penglibatan wanita dalam memberi sumbangan kebaikan mereka kepada negara dan masyarakat keseluruhannya. Secara langsung, keharusan tersebut juga perlu memenuhi syarat dan pematuhan kepada garis panduan syarak.

Perkara tersebut diceritakan dalam riwayat bahawa ‘A’ishah r.a. pernah meminta izin Nabi Muhammad SAW untuk menyertai jihad. Walau bagaimanapun, Baginda menjawab bahawa jihad wanita itu adalah haji sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَائِشَةَ اُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: أَسْتَأْذِنُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْجِهَادِ، فَقَالَ: جَهَادُكُنَّ الْحَجُّ، وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْوَلِيدِ: حَدَّثَنَا سَفِيَّانُ، عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ هَدْيَا.

Mafhumnya: Daripada ‘A’ishah Umm al-Mu’minin r.a. berkata: Aku meminta izin daripada Nabi SAW untuk berjihad. Lalu Baginda menjawab: Jihad kamu (para wanita) ialah haji (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jihad wa al-Siyar*, *Bab Jihad al-Nisa'*, no. 2075).

Nabi Muhammad SAW menjelaskan perkara tersebut dalam hadith ini apabila ‘A’ishah r.a. meminta izin untuk menyertai jihad, Baginda menyatakan jihad bagi golongan wanita ialah dengan menunaikan ibadah haji. Ibn Batal, seorang ulama hadith yang *faqih* dalam mazhab Maliki mengatakan bahawa hadith ini menegaskan pelaksanaan jihad tidak wajib bagi golongan wanita. Ungkapan ‘jihad kamu ialah haji’ bukanlah bermaksud wanita sama sekali tidak dibenarkan keluar berjihad secara sukarela tetapi penglibatan mereka dalam jihad hanya dibolehkan dan bukan pula sebagai satu kewajipan.

Hakikatnya, golongan wanita pada zaman Nabi Muhammad SAW turut terlibat dalam misi peperangan bersama Baginda dengan peranan tersendiri sesuai dengan kemampuan dan naluri kewanitaan. Dalam beberapa hadith, Baginda ada mencerita dan menyatakan tentang peranan mereka, antaranya ialah seperti Asma’ bint Yazid, seorang tokoh wanita terkenal yang sangat berani dan sanggup menyerahkan jiwa raganya untuk mempertahankan Nabi Muhammad SAW dan Islam. Ia terbukti apabila beliau terlibat menyertai dalam beberapa siri peperangan pada zaman Nabawi dan Khulafa’. Antara peperangan yang diikuti Asma’ ialah perang Khandaq, Khaybar, Uhud dan Yarmuk. Dalam perang Khandaq, Asma’ mengirimkan makanan kepada Baginda dan para Sahabat, begitu juga semasa perang Khaybar beliau memberi perkhidmatan menyediakan makanan dan minuman kepada kalangan tentera dan merawat mereka yang tercedera. Di samping itu, Asma’ bersama barisan wanita lain bersedia

di barisan belakang dan sentiasa memantau semangat juang tentera Islam yang cuba berundur; kalangan wanita ini akan mengacukan kayu dan sentiasa memberi kata semangat agar tentera Islam yang berniat untuk berundur akan kembali mara menentang pihak musuh. Beliau juga berperanan besar ketika peristiwa perang Yarmuk pada tahun ke-13H. Pada ketika itu, tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid ibn al-Walid dengan bilangan anggota berjumlah 46 ribu orang berkemampuan untuk menewaskan bala tentera Kaisar Romawi yang berjumlah 240 ribu anggota tentera terlatih.

Zaman kegemilangan Islam menyaksikan ramai wanita turut berjuang, menyerbu di medan peperangan, menentang musuh di bahagian hadapan atau dalam pertempuran, dan antara mereka yang disebut dalam riwayat sejarah ialah ‘A’ishah r.a., Fatimah r.a., Safiyyah r.a. dan Ummu Sulaym r.a. Mereka turun ke medan peperangan bagi melakukan tugas-tugas seperti menyediakan minuman, memasak dan menyediakan makanan, menjaga dan merawat tentera cedera, menjaga dan memelihara kenderaan, menjahit pakaian koyak, mengurus tentera terkorban, mengamati gerak-geri musuh dan juga menyediakan segala keperluan semasa (Ahmad Khalil 2004). Walau bagaimanapun, apabila tiba saat getir yang memerlukan, mereka akan turut bertempur melawan musuh. Inilah peranan wanita dalam peperangan yang dicatatkan dalam sejarah.

## **Peranan Anggota Tentera Wanita Masa Kini**

Peranan dan bidang tugas anggota tentera wanita kini lebih luas dan berbeza berbanding dahulu sesuai dengan peredaran masa dan kehendak dunia semasa. Wanita pada masa kini berpeluang menceburi pelbagai bidang dan jurusan dalam ketenteraan, perbezaan jantina tidak lagi menjadi penghalang untuk mereka memilih bidang dan cemerlang dalam kerjaya setanding lelaki. Terdapat lapangan dalam kerjaya tentera yang dahulunya belum pernah diterokai wanita, tetapi kini telah diceburi wanita atas faktor peluang dan dorongan pihak kerajaan atau pemerintah kepada golongan itu.

Tidak dilihat janggal lagi pada hari ini apabila wanita bukan sahaja menyertai bidang ketenteraan, malah berada di posisi yang lebih mencabar seperti juru terbang, kapten kapal, pemandu kenderaan tentera dan melaksanakan tugas-tugas lain yang lebih mencabar. Tentera Darat Malaysia misalnya, sendiri tidak menolak kemungkinan untuk menujuhkan Rejimen Gerak Khas Wanita bagi memantapkan lagi peranan golongan itu dalam bidang ketenteraan sejajar dengan perkembangan perkhidmatannya yang bermula sejak 1965. Dalam konteks Malaysia, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Kasim menyatakan bahawa usaha itu dalam mengembangkan peranan wanita dalam perkhidmatan Tentera Darat selaras dengan negara luar yang mula membabitkan golongan wanita dalam pasukan komando, katanya: “Kalau kita tanya kepada anggota wanita, mereka memang sanggup (menjalani latihan Komando), namun kita sebagai satu organisasi perlu mengkaji adakah mampu untuk menguruskan wanita dalam aspek penugasan pasukan itu”.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Tentera Darat, Brigedier Jeneral S. Suriakala yang menyokong hasrat itu menyatakan bahawa ia merupakan satu cadangan yang baik, katanya: “Kita bersetuju namun memerlukan banyak kajian sama ada sesuai atau tidak wanita ditempatkan dalam pasukan komando”. Beliau juga merupakan wanita berbangsa India pertama yang menjawat pangkat Brigedier Jeneral (Nazwin 2018).

Senario ini menyaksikan bahawa Malaysia juga terpanggil untuk mencontohi negara-negara maju bagi melibatkan wanita dalam pasukan elit, namun proses untuk merealisasikannya memerlukan kepada kajian menyeluruh dari segenap aspek pengurusan berkaitan wanita di pasukan itu. Selain itu, kajian tentang adat, budaya dan hukum syarak perlu diambil kira kerana ia adalah isu yang menyentuh sensitiviti masyarakat Malaysia yang majoritinya adalah umat Islam.

## **Syarat Penglibatan Wanita dalam Tentera menurut Syariah**

Operasi jihad dan ketenteraan mempunyai kaitan yang amat rapat, ini kerana jihad atau berperang ialah kemuncak kepada profesion sebagai tentera yang sinonim dengan tugas lelaki sesuai dengan fitrah semula jadi mereka yang bertubuh kasar, gagah dan berjiwa kental. Lantaran itu, Islam meletakkan syarat wajib jihad hanya kepada kaum lelaki. Oleh itu, wanita pada hakikatnya tidak wajib untuk terlibat dalam jihad (al-Sharbini 2000: 19), sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal, ayat 65:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضْ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ إِن يَكُن مَّنْكُمْ عِشْرُونَ صُلْبُونَ يَغْلِبُوْا مَائَتَيْنِ وَإِن يَكُن مَّنْكُمْ مَائَةً يَغْلِبُوْا أَلْفًا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُوْنَ .

Mafhumnya: Wahai Nabi, perangsangkanlah orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang yang tidak mengerti.

Ayat tersebut menunjukkan perintah wajib jihad adalah khusus kepada golongan lelaki. Walau bagaimanapun pihak pemerintah boleh mengarahkan wanita untuk menyertai tentera atau jihad jika ada keperluan dengan syarat dan garis panduan yang ditetapkan syarak. Bagi anggota wanita yang berstatus sukarelawan, pemerintah boleh mengerahkan mereka berperang sekiranya dalam keadaan darurat dan memerlukan (Haykal 1993). Islam menggariskan beberapa syarat bagi wanita bekerja apatah lagi untuk terlibat dalam bidang yang mencabar dan berisiko, iaitu ketenteraan. Islam meraikan kemampuan dan potensi diri wanita, tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya dan sesuai dengan fitrah semula jadi mereka. Justeru, atas tujuan untuk menjaga dan menjamin kehormatan wanita, beberapa syarat yang mengharuskan wanita terlibat dalam tentera telah digariskan seperti pencerakinan selanjutnya.

## **Keizinan Wali atau Suami**

Keizinan wali atau suami merupakan syarat utama bagi wanita untuk menyertai jihad. Oleh itu, wanita tidak dibenarkan untuk terlibat dalam jihad tanpa kebenaran mereka kerana seorang isteri wajib mentaati suami, menjaga *maslahah* suami dan rumah tangga, sedangkan menyahut panggilan jihad adalah harus bagi mereka (al-Kasani 1982). Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 34:

الرَّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصِّلْحَةُ قُبْلَتْ حَفْظُهُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ شُتُّرَهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرَبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْنَا كَبِيرًا.

Mafhumnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.

Keistimewaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada golongan lelaki menuntut mereka menjadi pemimpin khususnya dalam institusi kekeluargaan. Mereka wajib menanggung nafkah isi rumah, di samping pembuat keputusan dalam apa jua aspek kebijakan dan pembangunan keluarga. Justeru, para wali atau suami kepada wanita yang ingin menyertai tentera perlu memahami bahawa kehidupan mereka dalam dunia tentera adalah berbeza dengan dunia awam. Tentera wanita seperti mana lelaki, tertakluk dengan Akta Angkatan Tentera 1972 yang memerlukan mereka memberikan komitmen yang tinggi kepada tugas dan tanggungjawab. Sokongan penuh wali terhadap kerjaya wanita dalam tentera amat diperlukan agar kewujudan mereka dalam dunia tentera mendapat restui penjaga dan beroleh keredaan Allah SWT. Sabda Nabi Muhammad SAW:

أَنَّ رَجُلًا هَاجَرَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْيَمَنِ فَقَالَ: هَلْ أَنْ أَحْدُ بِالْيَمَنِ؟، قَالَ: أَبُوا يَهِيَّا، قَالَ: أَذْنَا لَكَ؟ قَالَ: لَا، قَالَ: ارْجِعْ إِلَيْهِمَا فَاسْتَأْذِنْهُمَا، فَإِنْ أَذْنَا لَكَ فَجَاهِدْ، وَإِلَّا فَبِرْهُمَا

Mafhumnya: Seorang lelaki berhijrah daripada Yaman bertemu Rasulullah SAW lalu bersabda: Adakah kamu mempunyai seseorang di Yaman? Katanya: Ibu bapaku. Baginda bersabda pula: Apakah mereka membenarkan kamu? Beliau berkata: Tidak. Sabda Baginda: Pulanglah ke pangkuhan keduanya dan mintalah keizinan, jika diizinkan berjihadlah, jika tidak berbuat baiklah kepada mereka (Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud, Kitab Jihad, Bab fi al-Rajul Yaghzu wa Abawah Karihun*, no. 2530).

Zahir hadith ini menunjukkan bahawa izin daripada kedua ibu bapa adalah syarat untuk berjihad, manakala hukum tuntutan jihad adalah fardu kifayah, sedangkan berbuat baik kepada ibu bapa adalah fardu ain. Menurut keutamaannya, fardu ain perlu didahulukan berbanding fardu kifayah. Konteks hadis ini mengarahkan lelaki meminta izin daripada ibu

bapa untuk berjihad apatah lagi jika situasi ini berlaku kepada seorang wanita, sudah tentu ia menjadi perkara yang lebih utama.

Bagi anggota tentera wanita yang akan berkahwin, mereka terlebih dahulu perlu menjelaskan kepada bakal suami mengenai tugas dan komitmen mereka terhadap semua kursus kerjaya, latihan dan operasi ketenteraan yang perlu mereka lalui sepanjang perkhidmatan dalam angkatan tentera. Setelah berumah tangga, mereka perlu memahami bahawa kewajipan utama setelah bergelar isteri adalah mentaati perintah Allah SWT dan suami serta mendapat keizinannya dalam apa jua tugasnya. Al-Kasani (1982, 7:98) menyatakan tidak harus bagi seorang hamba keluar kecuali dengan izin tuannya, isteri dengan izin suaminya kerana khidmat kepada tuan (yang memilikinya) dan pelaksanaan hak perkahwinan adalah fardu ain. Ia perlu didahulukan daripada fardu kifayah. Daripada Mu‘adh ibn Jabal r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَا تُؤْدِي الْمَرْأَةُ حَقًّا رَبِّهَا حَتَّى تُؤْدِيَ حَقًّا رَوْجَهَا

Mafhumnya: Demi Dia yang jiwa Muhammad di tangan-Nya, seseorang wanita itu tidak dikira menunaikan hak Tuhan-Nya sehingga dia menunaikan hak suaminya (Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Bab Haqq al-Zawj ‘ala al-Mar’ah, no. 1853).

Dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW bersabda:

وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتٍ رَوْجَهَا وَمَسْنُوَلَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا.

Mafhumnya: Dan seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan bertanggungjawab atas kepemimpinannya (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab al-Juma‘ah fi al-Qura wa al-Mudun, no. 893).

Kedua-dua hadis tersebut membawa maksud bahawa wanita mempunyai tanggungjawab terhadap suami, rumah tangga dan anak-anak. Ini merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan, pengabaian terhadap tanggungjawab ini boleh menyebabkan berlakunya kepincangan dalam institusi kekeluargaan dan mengundang kemurkaan Allah SWT. Oleh itu, wanita perlu cermat dalam membuat keputusan. Syarak membenarkan wanita keluar bekerja dengan syarat-syarat yang ketat kerana melihat kepada peranan lebih utama yang perlu dilaksanakan, di samping menentukan maruah dan kedudukan mereka sentiasa terpelihara sesuai dengan *maqasid al-Shari‘ah*.

## Terdapat Hajat dan Kepentingan

Wanita tidak dibenarkan menyertai perang tanpa keperluan dan *maslahah*. Sejarah membuktikan bahawa wanita pada zaman Rasulullah SAW keluar berjihad atas sebab terdapat hajat dan keperluan semasa sebagaimana yang diriwayatkan dalam beberapa hadith Rasulullah SAW, antaranya:

عَنِ الرُّبَيْعِ بْنِ مَعْوِذٍ، قَالَتْ كُنَّا نَعْزُو مَعَ النَّبِيِّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَقَى الْقَوْمَ وَنَخْدُمُهُمْ، وَنَرْدُ الْجَرْحَى  
وَالْفَتْلَى إِلَى الْمَدِينَةِ

Mafhumnya: Daripada Rubay' ibn Mu'awwidh r.a. berkata: Sesungguhnya kami berperang bersama Nabi SAW untuk memberi minum dan menyantuni tentera serta membawa pulang tentera yang terkorban dan tercedera ke Madinah (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Jihad wa al-Siyar*, *Bab Mudawwat al-Nisa' wa al-Jarh fi al-Ghazw*, no. 2882).

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْزُو بِأَمْ سَلِيمٍ وَنِسْوَةً مِنَ الْأَنْصَارِ  
مَعَهُ إِذَا غَزَا فِيسْقِينِ الْمَاءِ وَيَدَاوِينِ الْجَرْحِ.

Mafhumnya: Daripada Anas ibn Malik r.a. berkata: Adalah Rasulullah SAW berperang dengan Umm Sulaym dan bersama wanita dalam kalangan Ansar, ketika berperang mereka memberi minum dan merawat tentera yang tercedera (Muslim, *Sahih Muslim*, *Kitab al-Jihad wa al-Siyar*, *Bab Ghazwat al-Nisa' ma'a al-Rijal*, no. 1810).

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةِ الْأَنْصَارِيَّةِ قَالَتْ: غَزَوْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْعَ غَزَوَاتٍ أَخْلَفُهُمْ فِي رَحَالِهِمْ فَأَصْنَعْ  
لَهُمُ الْطَّعَامَ وَأَدَاءِيَ الْجَرْحِ وَأَقْوَمُ عَلَى الْمَرْضِىِّ

Mafhumnya: Daripada Umm 'Atiyyat al-Ansariyyah berkata: Aku berperang bersama Nabi SAW sebanyak tujuh kali peperangan, aku mengiringi perjalanan dengan membuat makanan dan menyantuni orang yang sakit (Muslim, *Sahih Muslim*, *Kitab al-Jihad wa al-Siyar*, *Bab al-Nisa' al-Ghaziyat Yurdakh lahun wa La Yusham*, no. 1812).

Kisah-kisah yang dipaparkan dalam hadith ini menunjukkan peranan dan tugas yang dimainkan oleh wanita semasa berperang bersama Nabi Muhammad SAW. Peranan mereka merangkumi menyediakan makanan dan minuman, memberi rawatan kecemasan kepada tentera yang tercedera, mengubati tentera yang sakit serta memindahkan tentera yang terkorban daripada medan tempur dan seumpamanya (al-Nawawi 1996, 6:401-405). Nas di atas juga menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam peperangan mempunyai justifikasi dan *maslahah*, iaitu keperluan kepada khidmat mereka bagi menyediakan keperluan sajian, rawatan dan membawa pulang anggota yang tercedera ke Madinah.

### Tidak Membawa Keburukan

Dalam *Fiqh Islami*, penglibatan wanita dalam jihad hanya sesuatu yang diharuskan, manakala jihad menjadi fardu kifayah kepada kaum lelaki. Sekiranya penyertaan wanita dalam jihad dibimbangi akan mengundang fitnah dan membawa keburukan, lalu keterlibatan dan penglibatan mereka dalam jihad peperangan adalah tidak dibenarkan. Ini bertepatan dengan satu kaedah fiqh iaitu: درء المفاسد أولى من جلب المصالح yang memberi erti: “menghindari kerosakan adalah lebih utama daripada mendapatkan *maslahah*”.

Maksud kaedah di atas memerihalkan bahawa mengelak daripada keburukan yang dijangka berlaku kepada wanita adalah lebih utama daripada mendapatkan *maslahah*. Keburukan yang dimaksudkan ialah seperti menjadi tawanan dan tebusan perang dan keruntuhan institusi kekeluargaan, manakala *maslahah* pula ialah khidmat mereka membantu kalangan pihak tentera. Islam memuliakan wanita dan meletakkan mereka dalam kalangan golongan yang perlu dipelihara dan dilindungi, di samping mereka juga ialah golongan yang berhak mendapat pembelaan dan layanan sebaiknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam khutbah terakhir Baginda, yang mafhumnya:

“Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik, berlemah-lembutlah terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu yang setia. Dan hak kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang kamu tidak suka ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina” (Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, no. 1841).

Dalam konteks ini, pemerintah memiliki kuasa untuk menilai penglibatan wanita dalam tentera yang boleh membawa kebaikan atau mengundang keburukan, lantas keputusan pemerintah ini kelak memberi impak kepada kewajaran wanita berkecimpung dalam kerjaya tentera. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyemak, menilai, merangka atau merombak sebarang dasar dan polisi berkaitan wanita dalam tentera sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

### Kebenaran Imam (Pemerintah)

Pemerintah yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan ketenteraan lebih mengetahui sejauh mana keperluan wanita terlibat dalam peperangan boleh membantu pelbagai aspek pentadbiran dan pengurusan tentera berdasarkan *maslahah*, bersesuaian dengan satu kaedah *fiqh* yang masyhur, iaitu: تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة, yang maksudnya: “polisi pemerintah tertakluk kepada kemaslahatan rakyat”.

Kaedah ini menunjukkan kewajipan pemimpin untuk mengurus negara berdasarkan *maslahah* yang timbul dalam kalangan masyarakat. Keputusan yang berupa kebenaran daripada pemimpin adalah asas kepada keharusan penglibatan wanita dalam peperangan berasaskan *siyasah shar'iyyah*. Riwayat daripada Nabi Muhammad SAW berikut menyebutkan berkenaan perihal larangan pemimpin kepada wanita untuk menyertai peperangan:

عن ابن كبيشة – امرأة من عذرة – عذرة بن قضاعة – أنها قالت: يا رسول الله: أتأنذن أن أخرج مع جيشك إذا وكذا. قال: لا. قالت يا رسول الله انه ليس أريد أن أقاتل. انما أريد أن أداوي الجرحى أو أسعى المرضى. قال: "لو لا أن تكون سنة. ويقال فلانة خرجت لأندنت لك، ولكن اجلس".

Mafhumnya: ‘Uzrah ibn Quda‘ah, bahawa ia berkata: Wahai Rasulullah: Adakah kamu benarkan aku untuk keluar bersama tentera, katanya: Tidak. Kata beliau: Wahai Rasulullah bukan keluar untuk berperang tetapi ingin merawat anggota cedera dan memberi minum pesakit. Katanya: Jika tidak ia menjadi Sunnah, dan

dikatakan fulan keluar pasti ia diizinkan bagi kamu akan tetapi duduklah (Nur al-Din 1994).

Hadith ini menunjukkan Nabi Muhammad SAW tidak memberi keizinan kepada wanita berkenaan untuk keluar berperang bersama pasukan tentera. Sekiranya beliau mendapat keizinan, sudah tentu beliau akan turut serta menyertai perperangan dan ini menunjukkan bahawa kebenaran daripada pemimpin atau mereka yang berkuasa merupakan syarat bagi wanita untuk membolehkan mereka turut berperang bersama anggota lain. Sejarah mencatatkan bahawa wanita pernah terlibat secara langsung berhadapan dengan musuh di medan pertempuran, antaranya ialah seperti yang dipaparkan dalam kisah berikut:

واشتركت صفية بنت عبد المطلب في معركة الخندق وقتلت رجلا من اليهود كان يطيف بالحسن الذي كانت فيه وكانت هي أول امرأة مسلمة قتلت رجلا من المشركين.

Mafhumnya: Safiyyat bint ‘Abd al-Muttalib menyertai perang al-Khandaq telah membunuh lelaki Yahudi yang berkeliaran mengelilingi kubu yang diduduki oleh Safiyyat. Beliau merupakan wanita Muslim pertama membunuh lelaki dalam kalangan Yahudi (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 2009, 4:124 & 125).

وخرجت أم حكيم بنت الحارث مع زوجها عكرمة بن أبي جهل إلى غزوة الروم فاستشهد زوجها. وتزوجها بعد خالد بن سعيد بن العاص وقاتل الروم حتى قتل فلما رأت ذلك شدت عليها ثيابها فقتلت يومئذ بعمود فساط طلتها سبعة من الروم.

Mafhumnya: Umm Hakim bint al-Harith keluar bersama suaminya, ‘Ikrimah ibn Abi Jahl ke perang menentang tentera Rom. Setelah suaminya gugur syahid dalam perang tersebut, beliau berkahwin pula dengan Khalid ibn Sa‘id ibn al-‘As lalu bertempur dengan tentera Rom hingga gugur syahid. Menyaksikan kejadian itu, beliau menyingsing pakaianya lalu membunuh tujuh tentera Rom dengan tiang khemah teduhan beliau (Ibn Hajar al-‘Asqalani 1992, 8:193).

Kisah daripada riwayat-riwayat tersebut membuktikan wanita turut dibenarkan mengangkat senjata bertempur melawan musuh secara langsung ketika keadaan darurat dan keperluan mendesak. Penyertaan mereka dalam pertempuran pada waktu itu dibenarkan oleh pemerintah atas keperluan dan *maslahah* semasa.

## **Menjaga Kehormatan Diri**

Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan, semua wanita Islam perlu menjaga kehormatan diri dengan berpakaian yang menutup aurat serta berpenampilan dengan akhlak Islam (Fatimah 1996). Ini berasaskan firman Allah SWT dalam Surah al-Nur, ayat 31:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ وَلَيَصْرِبْنَ  
إِنْهُرْ هِنَّ عَلَىٰ جِيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ إِبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ  
إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعَيْنَ غَيْرُ أُولَيِ الْإِرْبَةِ مِنَ

الرَّجَالُ أَوِ الْطِّفْلُ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۖ وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمُ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ ۚ  
وَتُؤْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أُلَيْهِ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفَلِّحُونَ.

Mafhumnya: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Ayat al-Qur'an di atas secara jelas menyatakan berkenaan suruhan Allah SWT kepada golongan wanita supaya menundukkan pandangan daripada melihat perkara haram, memelihara kehormatan diri, menutup aurat dan menjaga penampilan diri dengan akhlak Islam. Maruah dan harga diri wanita adalah suatu yang amat bernilai dan dipandang tinggi, kedudukan tersebut perlu dipelihara dan dihargai. Islam mengambil berat soal maruah dan kehormatan wanita yang merupakan satu daripada *daruriyah* bagi wanita yang perlu diperjuangkan. Islam sama sekali tidak membiarkan golongan wanita ditindas dan dizalimi, mereka berhak mendapat pembelaan jika dianaya dan dieksplorasi. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur, ayat 4:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْثُرُوا بِأَرْبَعَةِ شَهِيدَاتٍ فَأَجْلِدُوهُمْ ثَمَنِنَ جَلَدَةٍ وَلَا تَقْبِلُوا لَهُمْ شَهَدَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِيْقُونَ.

Mafhumnya: Dan orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang yang fasik.

Ayat ini merupakan antara bukti bahawa Islam membela wanita apabila mereka dianaya. Tuduhan zina terhadap wanita tanpa mendatangkan empat saksi dianggap satu kezaliman dan penganiayaan yang menjatuhkan maruah wanita. Justeru, Islam menetapkan 80 sebatan sebagai hukuman dan pengajaran bagi pesalah, sekali gus sebagai bukti keadilan Islam terhadap wanita yang aniaya. Oleh itu, setiap wanita perlu menjaga kemuliaan diri mereka dengan melaksanakan setiap kewajipan yang diperintahkan serta tidak mendedahkan diri ke jurang kebinasaan dan fitnah. Sementara pihak bertanggungjawab berkaitan pentadbiran wanita perlu memberikan semua hak yang sepatutnya kepada mereka.

## Hak Wanita dalam Tentera menurut Islam dan Barat

Perbincangan mengenai hak wanita dalam tentera adalah cambahan daripada perbincangan Hak Asasi Manusia (seterusnya HAM) yang mula diperkatakan sejak perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat pada tahun 1948. Perisytiharan tersebut dipelopori Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (seterusnya PBB) yang keahliannya terdiri daripada majoriti negara-negara merdeka di dunia. Kumpulan lain juga menerima pakai piawaian HAM. Komuniti Eropah (*European Community*) misalnya, memaktubkan Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi dan Kebebasan Asasi 1950 yang mempunyai kuasa mengikat dari segi undang-undang terhadap negara anggota Komuniti Eropah. Di Malaysia, kerajaan menggubal Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Akta tersebut menyebutkan pengertian HAM merujuk kepada kebebasan asasi yang termaktub dalam Bahagian II, Perlembagaan Malaysia. Persoalannya sejauh manakah prinsip HAM bersesuaian dengan prinsip Syariah?

Secara umumnya, para ilmuwan dan pemikir mendefinisikan HAM sebagai segugusan hak tabii yang dimiliki manusia terikat dengan kewujudannya secara semulajadi. Hal ini diakui oleh masyarakat antarabangsa, meskipun terdapat kalangan yang tidak mengiktirafnya atau melanggarnya. HAM secara umum mengiktiraf hak-hak individu dan masyarakat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak persamaan dalam ekonomi, sosial, politik, kebebasan bersuara, beragama dan sebagainya. Antara hak tersebut, hak untuk hidup ialah hak terpenting yang perlu dipelihara. Kemudian menyusul selepas itu ialah hak untuk mendapat kebebasan dalam menjalani kehidupan dengan pelbagai jenisnya (al-Zuhayli 2000: 14).

Wajar dinyatakan bahawa tanpa melihat dari aspek sama ada HAM yang diperjuangkan oleh sesetengah pihak di seluruh dunia bertentangan dengan Islam pada sesetengah aspek atau mempunyai beberapa titik persamaan dengan HAM yang diiktiraf oleh Islam, perjuangan menuntut HAM dan menuntut kebebasan mutlak adalah cetusan dari fikrah dan kebudayaan Barat. Ia juga bersumberkan epistemologi pemikiran Barat yang sarat terkandung di dalamnya fikrah sekularisme, pragmatisme dan liberalisme (al-Raysuni 2002: 18). Sukar dibayangkan dunia Eropah yang mengisyiharkan agama sebagai entiti yang terpisah daripada negara akan meletakkan beberapa ikatan, batasan agama atau akhlak dalam menggariskan batasan kebebasan atau HAM (Tahun 1998: 35).

Menurut pandangan Barat, hak asasi menjadikan manusia sebagai ukuran segala-galanya seperti demokrasi, kebebasan sosial dan ekonomi. Ia bermula dari manusia dan berakhir dengan manusia. Berbanding Barat, hak asasi dalam Islam bersifat segala-galanya bertitik tolak daripada wahyu Pencipta yang memiliki sifat kesempurnaan, al-Qur'an dan Hadith menjadi ukuran dan panduan. Sebelum kemunculan deklarasi HAM PBB pada tahun 1948, Islam mengiktiraf HAM dalam batasan tertentu yang dibenarkan oleh syariat. Dalam *tasawwur* Islam, kebebasan merupakan sebuah manifestasi pembebasan manusia dari aneka bentuk ikatan dan pengabdian selain daripada Allah SWT. Allah SWT menciptakan manusia serta meletakkannya pada kedudukan yang tinggi berbanding makhluk lain berlandaskan prinsip *al-karamah al-insaniyyah* (kemuliaan kemanusiaan). Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra', ayat 70:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَقْضِيَّاً

Mafhumnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Hak tentera wanita yang dirungkai dalam perbahasan ini adalah berkait dengan pelaksanaan perintah agama yang mengandungi kebaikan dunia dan ukhrawi. Hak seorang penjaga untuk memberi kebenaran menyertai tentera kepada wanita di bawah tanggungjawabnya. Dalam Islam, wanita berada di bawah tanggungjawab penjaga atau ibu bapanya hingga hal berkahwin. Selagi mana masih belum berkahwin, selama itulah ia berada di bawah pengawasan ibu bapanya. Tanggungjawab wanita akan beralih kepada suaminya apabila ia telah berkahwin. Ini adalah ajaran Islam yang perlu dihormati dan diraikan.

Hak berpakaian menurut syarat yang digariskan oleh Islam sama sekali tidak membataskan pergerakan wanita dan tidak menghalang mereka daripada melakukan tugas-tugas lasak, bahkan dengan pakaian yang sedemikian memelihara wanita daripada fitnah dan sebarang anasir yang boleh memudaratkan mereka. Islam ialah agama yang fleksibel dan dalam keadaan aman mereka wajib berpakaian menepati ciri-ciri yang digariskan namun dalam suasana darurat wanita harus berpakaian dengan pakaian selain daripada syarat yang ditetapkan, bahkan harus menanggalkan hijab bagi mencapai objektif jihad. Mereka juga berhak untuk mendapatkan latihan ketenteraan seperti lelaki tetapi dalam persekitaran yang sesuai atas tujuan untuk memelihara kemuliaan dan kehormatan wanita yang diiktiraf oleh agama. Penerimaan pihak Barat, terutama Amerika Syarikat, untuk bertolak ansur dalam perkara yang melibatkan hak tentera wanita Muslim amat dihormati oleh dunia Islam, walaupun jumlah anggota Muslim di negara Barat adalah rendah. Pertimbangan dan tolak ansur untuk menerima etika pakaian dan pelbagai syarat serta panduan yang digariskan oleh Islam semuanya adalah atas *maslahah* untuk memelihara maruah wanita dan mencapai keharmonian sejagat. Ia bertepatan dengan konsep maruah dan hak asasi manusia yang terkandung dalam artikel pertama Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Rights 2015), iaitu: *human beings are born free and equal in dignity and rights. They are endowed with reason and conscience and should act towards one another in a spirit of brotherhood.* Tindakan menghalang wanita Muslim bertudung adalah tidak wajar dan bertentangan dengan konsep hak asasi seperti yang diperjuangkan. Ini sebagaimana terdapat seorang pegawai wanita berpusat di Fort Carson berhasrat untuk menyaman Tentera Amerika Syarikat atas dakwaan diskriminasi dan gangguan, lalu tidak lama selepas itu, beliau mula memakai tudung (*Sinar Harian* 2019).

## Kesimpulan

Pembabitan golongan wanita dalam tentera dan operasi jihad memerlukan justifikasi yang kukuh kerana keterlibatan dan penglibatan mereka di medan perang pada asasnya adalah atas dasar membantu dan bukan memikul tanggungjawab. Oleh yang demikian, pihak kerajaan

atau pemerintah berperanan untuk mengkaji dan menilai dari semasa ke semasa dengan melihat sejauh mana keperluan penugasan mereka terdapat *maslahah* dan sesuai dengan keperluan semasa. Sekiranya penyertaan mereka diperlukan dalam perkhidmatan ketenteraan, ia perlu terikat dengan syarat yang ditetapkan oleh syarak. Oleh kerana wanita mempunyai tanggungjawab yang besar dalam institusi kekeluargaan, mereka perlu bijak membahagikan masa bagi menyempurnakan tanggungjawab agama, kerjaya dan komitmen keluarga.

Tidak dinafikan bahawa fungsi dan peranan wanita dalam bidang ketenteraan akan mengalami perubahan mengikut keperluan semasa seiring dengan arus pemodenan, justeru para *umara'* (pemimpin) dan ulama wajar berganding bahu menyumbangkan idea dan ijihad dalam meminda atau merangka dasar berkaitan penglibatan wanita dalam tentera agar seiring dengan peredaran masa dan menepati *maqasid al-Shari'ah*. Selain itu, wanita Islam perlu mengekalkan citra seorang Muslimah dan mempamerkan akhlak Islam serta mengelakkan diri daripada apa jua perkara yang boleh menimbulkan fitnah. Pencerakinan reflektif berdasarkan cerminan Syariah sebegini dapat memberikan kefahaman serta manfaat kepada golongan wanita khasnya, sama ada yang telah atau belum menyertai kerjaya dalam bidang ketenteraan serta semua pihak yang berkaitan dalam lapangan perkhidmatan pertahanan.

## Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Kumpulan Penyelidikan Sejarah Ketenteraan Islam (SAKTI), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2019-027 dan juga GGP-2019-013.

## Rujukan

- Abu Dawud, Sulayman ibn Ash'ath. t.th. *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq. 'Abd al-Hamid, Muhammad Muhyi al-Din. Bayrut: Maktabah 'Asriyyah.
- Abu Jami', Yusuf Hamdan Ahmad. 2008. *Jihad al-mar'ah fi al-Islam*. Tesis Sarjana. Kuliyyat al-Shari'ah wa al-Qanun, al-Jami'ah al-Islamiyyah, Gaza.
- Ahmad Khalil Jam'ah. 2004. *70 Tokoh Wanita dalam Kehidupan Manusia*. Jakarta: Darul Falah.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 1993. *Sahih al-Bukhari*. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2012. Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW. *Jurnal al-Hikmah* 4: 37-49.
- Fatimah Ali. 1996. Pandangan Islam terhadap wanita bekerja. *Jurnal Usuluddin* 3: 157-190.
- Haykal, Muhammad Khayr. 1993. *al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Shari'iyah*. Bayrut: Dar-al-Bayariq.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Muhammad. 1992. *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Tahqiq. al-Bijawi, 'Ali Muhammad. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah ibn Yazid al-Qazwini. 1952. *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq. 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. al-Qahirah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad ibn Abi Bakr. 2009. *Zad al-Ma'ad fi Huda Khayr al-Ibad*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Kasani, Abu Bakr ibn Mas'ud. 1982. *Bada'i' al-Sana'i'*. Cet. ke-2. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Muslim ibn al-Hajjaj, Abu al-Hasan al-Naysaburi. t.th. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*. Tahqiq. 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. 1996. *Sahih Muslim Sharh al-Nawawi*. Dimashq: Dar Khayr.
- Nazwin Nazri. 2018. Tentera Darat sedia wujudkan komando wanita - Jen. Zulkiple. *Utusan Online*. <http://m.utusan.com.my/berita/nasional/tentera-darat-sedia-wujudkan-komando-wanita-8211-jen-zulkiple-1.646276> [11 April 2018].

- Nur al-Din, ‘Ali ibn Abi Bakr al-Haythami. 1994. *Majma‘ al-Zawa‘id wa Manba‘ al-Fawa‘id*. Riwayat al-Tabarani fi al-Kabir wa al-Awsat. al-Qahirah: Maktabat al-Qudsi.
- al-Raysuni, Ahmad. 2002. *Huquq al-Insan Mihwar Maqasid al-Shari‘ah*. Dawhah: Wizarat al-Awqaf al-Shu‘un al-Islamiyyah.
- al-Sharbini, Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. 2000. *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 6. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Shushawi, Abu ‘Ali al-Husayn ibn ‘Ali. 2004. *Raf‘ Niqab ‘an Tanqih al-Shihab*. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Sinar Harian. 2019. Pegawai bertudung mahu saman Tentera AS. *Sinar Harian Online*, 28 Julai. <https://www.sinarharian.com.my/article/40338/GLOBAL/Pegawai-bertudung-mahu-saman-Tentera-AS> [16 Januari 2020].
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’ān*. 1999. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Tahun, Ahmad Rashshad. 1998. *Hurriyyat al-‘Aqidah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Itrak li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Universal Declaration of Human Rights (UDHR). 2015. *Universal Declaration of Human Rights Book*. New York: United Nation.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2000. *Haqq al-Hurriyyah fi al-‘Alam*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.